

Muara cetek, rezeki hilang

300 nelayan mengeluh turun ke laut hanya tiga kali dalam tempoh enam bulan



Bot nelayan tersadai di sungai Merchang sejak enam bulan lalu kerana tidak dapat turun ke laut berikutan masalah muara.

MARANG – “Sudah enam bulan mereka (nelayan) berehat. Anak-anak perlu pakai duit, ansuran bulanan bot perlu dibayar kepada bank, tapi mereka tidak dapat turun ke laut menangkap ikan kerana masalah muara sungai tertutup dan cetek.”

Itulah luahan nelayan warga emas, Yusof Md Zain, 74, mewakili nelayan Merchang di sini apabila masalah muara yang cetek menyebabkan kira-kira 300 nelayan sepenuh masa di kawasan berkenaan tidak dapat turun ke laut untuk mencari rezeki.

“Kalau pakcik cakap ada nelayan hanya dapat turun ke laut sebanyak tiga kali dalam tempoh enam bulan ini, tentu ramai tidak percaya, tetapi itulah hakikat dihadapi nelayan yang tinggal di kawasan sekitar Merchang.

“Sebelum ini, selama tiga bulan mereka tidak keluar ke laut kerana musim tengkujuh. Namun apabila musim itu berakhir, masalah baharu pula timbul kerana muara cetek menyebabkan aktiviti menangkap ikan terpaksa ditangguhkan lagi,” katanya.

Hilang mata pencarian

Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga, akibatnya kebanyakan nelayan mula dibebani hutang termasuklah perlu berhutang untuk mendapatkan barangan keperluan harian walaupun kebanyakan mereka menerima elaun bulanan sebanyak RM200.

“Perbelanjaan sebuah keluarga besar, mana cukup jika hanya bergantung pada elaun itu. Malah wang sebanyak RM200 juga tidak mampu

untuk menjelaskan hutang ansuran bank selepas membeli sebuah bot berharga lebih RM11,000,” katanya.

Yusof berkata, selain putus punca rezeki untuk menampung perbelanjaan keluarga masing-masing sepanjang keadaan muara sungai tidak dibaiki, nelayan juga buntu memikirkan cara untuk meneruskan kehidupan dalam keadaan sekarang.

Menurutnya, keadaan muara yang cetek dan ada kalanya tertutup bukan lagi masalah baharu, malah dialami nelayan di situ sejak 60 tahun lalu, dan hanya dapat diatasi apabila kerja-kerja penyelenggaraan muara sungai dijalankan.

Tuntut tindakan berterusan

Difahamkan, kerajaan negeri sudah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta sejak 2005 hingga Mei 2011 bagi kerja penyelenggaraan di muara sungai Merchang untuk kemudahan laluan bot nelayan di sekitar kawasan berkenaan.

Antara dilaksanakan agensi dan pihak berkaitan termasuklah kerja-kerja menggali serta mendalamkan muara sungai, dengan menggunakan peruntukan daripada kerajaan pusat dan kerajaan negeri sepanjang enam tahun itu.

Malah, permohonan juga dibuat kepada kerajaan persekutuan di bawah pelan kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) untuk menjalankan kerja-kerja kajian dan reka bentuk serta perancangan pembinaan benteng pemecah om-

bak muara sungai itu.

Kenyataan itu dipetik daripada bekas Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Zaabar Mohd Adib.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Ru Rendang) yang mahukan penjelasan mengenai tindakan diambil kerajaan berkaitan masalah di sekitar muara sungai Merchang, pada sesi soal jawab sidang Dun kali ke-12 lalu.

Zaabar juga berkata, kajian dan reka bentuk serta rancangan pembinaan benteng pemecah ombak di muara sungai itu dijangka melibatkan kos lebih RM30 juta.

Bagaimanapun, nelayan mendakwa masalah itu menuntut tindakan berterusan daripada kerajaan kerana keadaan muara berubah setiap tahun selepas kedatangan musim tengkujuh, seterusnya memberikan kesan kepada mereka.

Tak mahu tanggung risiko

Sementara itu, menurut seorang lagi nelayan, Hasrorizal Mohamad, 29, nelayan di Merchang turut disarankan untuk melabuhkan bot di sungai Marang bagi memudahkan mereka keluar menangkap ikan, tetapi ramai nelayan mahu tidak berbuat demikian.

“Mereka tidak mahu menanggung risiko kehilangan enjin bot dan menyesakkan lagi keadaan muara sungai Marang, malah ramai nelayan di sini menghadapi masalah



YUSOF



HASRORIZAL



MAZLAN

untuk ke sana pada setiap pagi kerana tiada pengangkutan,” katanya.

Sehubungan itu, mereka meminta kerajaan mencari jalan penyelesaian sama ada jangka pendek atau jangka panjang dengan melaksanakan pembinaan benteng pemecah ombak di muara sungai itu bagi mengatasi masalah berkenaan.

Nasib baik dapat BR1M

Seorang lagi nelayan, Mazlan Mat Lazim, 42, berkata, bulan ini mereka sedikit lega apabila sebahagian nelayan menerima bantuan Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) ketika mereka hilang punca pendapatan akibat keadaan muara.

Mazlan berkata, dalam keadaan sekarang, RM650 diterima mereka sedikit sebanyak membantu menampung keperluan harian termasuk perbelanjaan sekolah empat anaknya, selain digunakan untuk membayar ansuran bot.



Nelayan mendakwa baru tiga kali keluar ke laut untuk menangkap ikan dan udang pada bulan lalu selepas berehat panjang sejak Oktober tahun lalu.